

**PANDEMIK COVID-19: ISU DAN IMPAK TERHADAP PENGGIAT SENI TARI  
DI NEGERI MELAKA**  
**COVID-19 PANDEMIC: ISSUES AND IMPACTS ON DANCE ARTISTS IN THE STATE OF  
MELAKA**

**Novriadi Jamalus<sup>1\*</sup>**  
**Azrul Azizi Amirrul<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>*Unit Pembangunan Produksi dan Artistik,  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Melaka.*

<sup>2</sup>*Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.  
novriadi@jkkn.gov.my<sup>1</sup>, azrulazizi@usm.my<sup>2\*</sup>*

*Dihantar/Received:28 April 2023 / Penambahbaikan/Revised:20 Mei 2023*

*Diterima/Accepted:10 Jun 2023 / Terbit/Published:30 Jun 2023*

*DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v13i1.4383>*

## **ABSTRAK**

COVID-19 telah menjadi masalah sejagat yang masih tiada penghujungnya dan memberi kesan yang amat besar kepada ekonomi, sosial dan budaya, terutamanya terhadap aktiviti kesenian dan persembahan yang diterajui oleh penggiat seni di tanah air. Justeru, fokus kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti isu yang diharungi serta impak yang diterima oleh skop kumpulan sasar penggiat seni tari di negeri Melaka dalam menghadapi dilema dan cabaran kerjaya mereka semasa tempoh pandemik. Hal ini demikian kerana penggiat seni tari merupakan salah satu elemen *stakeholder* yang penting dalam negeri Melaka yang sinonim dan terkenal dengan aktiviti pelancongan budaya. Kaedah kajian secara pendekatan kualitatif iaitu dengan melaksanakan temu bual separa berstruktur dan rujukan data sekunder melalui bahan ilmiah seperti artikel jurnal, surat khabar dalam talian, informasi portal organisasi serta memperoleh rekod data statistik daripada organisasi kerajaan menjadi sumber utama kajian dalam menghuraikan objektif secara relevan. Hasil kajian mendapati Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan pelbagai Standard Operating Procedure (SOP) yang diselaras dan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh kerajaan memberi impak yang amat besar kepada penggiat seni tari di negeri Melaka terutamanya kepada pendapatan, kesihatan mental, emosi dan fizikal, malah mereka telah melakukan pelbagai usaha seperti eksplorasi terhadap penguasaan media sosial dan digitalisasi dalam melestarikan seni tarian di negeri Melaka semasa tempoh pandemik.

**Kata kunci:** COVID-19, pandemik, isu dan impak, penggiat seni tari, negeri Melaka.

## **ABSTRACT**

*COVID-19 has become a universal problem that still has no end and has a significant impact on the economy, society, and culture, especially on artistic activities and performances led by artists in the homeland. This research aims to better understand the difficulties encountered by dance artists in the state of Melaka during the pandemic and the effects that this has had on their careers. This is because dance artists constitute an important stakeholder group in Melaka, synonymous with and renowned for its cultural tourist activities. Conducting structured interviews, referencing secondary data from scholarly sources like journal articles, online newspapers, and organisation information portals, and obtaining statistical data records from government organisations as the primary source of research are all examples of the qualitative approach to describing the objectives in a relevant manner. Additionally, the current outcomes of implementing the Movement Control Order (MCO) with different Standard Operating Procedures (SOP), which are coordinated and set from time to time by the government, have a significant impact on the dance movement in the state of Melaka, particularly with regards to the study of income, mental health, emotions, and physical health. During the epidemic phase, numerous efforts were made to preserve the art of dance in Melaka, such as investigating the dominance of social media and the digitalisation of the art.*

**Keywords:** COVID-19, pandemic, issues and impact, dance artists, Melaka.

## PENGENALAN

Penggiat seni tari di negeri Melaka merupakan salah satu komponen utama yang menyemarakkan aktiviti kesenian dan kebudayaan terutamanya dalam aspek promosi pelancongan yang menjadi nadi utama dan signifikan kepada negeri Melaka. Aktiviti pelancongan merupakan salah satu penyumbang utama yang penting bagi sektor perkhidmatan khususnya dalam menjana ekonomi di Malaysia (Mohd Rabu *et al.*, 2016, p.29). Oleh itu, Melaka juga kini telah berkembang pesat dengan aktiviti pelancongan berasaskan warisan dan budaya (Er, 2013, p.15). Tinggalan tapak warisan sejarah yang berkurun lamanya di Melaka dimanipulasi sepenuhnya dan dijadikan sebagai produk pelancongan bertaraf dunia (Ang, 2016, p.111). Hal ini juga dapat disaksikan bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan (UNESCO) telah mengiktiraf dan mengisytiharkan Melaka sebagai Tapak Warisan Dunia pada 7 Julai 2008 (UNESCO, 2008).

Seiringan dengan agenda merancakkan aktiviti kebudayaan di negeri Melaka, ramai dikalangan penggiat seni tari ini terdiri daripada mereka yang berkhidmat sebagai artis budaya lantikan secara kontrak di pelbagai organisasi kerajaan sama ada dalam jabatan persekutuan atau negeri. Terdapat juga individu-individu yang menyertai serta menubuhkan kumpulan tarian persendirian yang menari secara sambilan untuk mencari pendapatan. Mereka ini terlibat secara aktif dalam pelbagai acara berprestij sama ada anjuran peringkat organisasi, komuniti, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Hal ini dapat dilihat dengan penglibatan penggiat seni tari dalam persembahan Sambutan Ulang Tahun Melaka Bandaraya Warisan Dunia yang dianjurkan pada setiap tahun oleh kerajaan negeri Melaka dan pelbagai lagi persembahan lain yang telah sarat dirancang dan berjaya dianjurkan dalam negeri Melaka.

Apabila dunia telah digemparkan dengan wabak COVID-19, kegusaran timbul terhadap masyarakat sejagat kerana wabak ini tidak dapat dibendung dan menyekat aktiviti harian manusia disebabkan penularan pandemik ini. Pandemik didefinisikan sebagai wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas hingga ke seluruh wilayah, benua atau dunia (Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d.). Di Malaysia, pandemik diisy蒂har pada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2022 dan dalam tempoh tersebut, kerajaan dan rakyat telah berganding bahu bagi menangani masalah wabak ini agar semua pihak dapat segera menjalani hidup serta rutin harian masing-masing dengan normal dan bebas semula. Namun dalam usaha mencapai matlamat tersebut, semua pihak terpaksa menghadapi pelbagai isu dan impak ekoran pandemik ini yang menjelaskan pelbagai sektor terutamanya dalam aspek seni budaya tempatan.

Penggiat seni tari di negeri Melaka juga secara tidak langsung menerima tempias bahang pandemik ini dengan menempuh pelbagai cabaran dan dugaan semasa tempoh tersebut. Mereka merupakan sebahagian daripada kelompok kecil penggiat-penggiat seni di negeri Melaka yang turut sama terjejas teruk ekoran pelbagai dasar dan peraturan yang dikeluarkan oleh kerajaan bagi membendung wabak COVID-19. Hal ini sekaligus memberi tekanan dan dilema kepada penggiat seni tari di negeri Melaka dalam mengorak legasi mereka sebagai anak seni untuk berkarya dan meneruskan kehidupan dalam mencari sumber pendapatan. Penulisan ini bertujuan untuk mengenalpasti serta membincangkan isu yang diharungi dan impak yang timbul terhadap kumpulan fokus penggiat seni tari di negeri Melaka semasa tempoh dua tahun pandemik tersebut diisy蒂harkan. Penyelidik melakukan penelitian terhadap masalah yang membelenggu mereka dan mengenalpasti tindakan serta alternatif yang mereka lakukan bagi meneruskan perjuangan sebagai penggiat seni tari di negeri Melaka dalam mengharungi isu global ini.

## TINJAUAN LITERATUR

Krisis pandemik mencetuskan kegusaran manusia yang menjadi isu global ini membuka mata banyak pihak dalam usaha menanganinya secara bersepada sama ada individu, komuniti, kumpulan masyarakat, badan bukan kerajaan dan paling utama kepada pihak kerajaan yang membuat dasar. Banyak kajian dan bahan ilmiah terkini menjadikan isu semasa COVID-19 sebagai salah satu isu penting yang perlu diberikan perhatian semasa kerana ia merupakan krisis global yang masih tidak mempunyai jangkaan tempoh penghujungnya. Kebanyakan kajian lebih khusus tertumpu dalam menekankan aspek ekonomi, sosial, kesihatan awam, dasar kerajaan dan pendidikan. Fokus kajian terhadap seni budaya dan penggiat seni terutamanya dalam bidang tarian berkenaan isu pandemik ini amat terhad dan jarang dikupas. Hanya beberapa kajian terkini yang menjurus dalam seni persesembahan dan penggiat seni semasa pandemik serta topik-topik berkaitan boleh dijadikan rujukan terdekat dalam cetusan lontaran maklumat mengupas isu pandemik ini yang boleh dihubung kaitkan dengan kajian kumpulan fokus penggiat seni tari di negeri Melaka.

Menurut Suhaimi Magi *et al.* (2020, p.76), industri media, seni dan hiburan amat terkesan akibat pandemik ini yang memberi impak dan cabaran kepada penggiat seni persesembahan untuk berkarya sehingga mengalami kemerosotan dalam penganjuran acara seni dan kebudayaan. Aktiviti seni persesembahan tidak dibenarkan dilakukan di tempat awam malah di pentas tertutup akibat daripada perintah berkurung yang dilaksanakan bagi mencegah penularan COVID-19. Rentetan itu, penggiat seni secara tidak langsung mengambil peluang dan inisiatif dengan pendekatan lebih kreatif menggunakan media digital untuk memasarkan karya seni mereka selaras dengan amalan norma baharu. Kenyataan ini disokong juga oleh Sri Ningsih Sukirman *et al.* (2020, p.86) bahawa seni secara digital memainkan peranan penting dalam adaptasi institusi seni persesembahan yang cuba untuk menawarkan kaedah baharu penyampaian persesembahan dalam keadaan semasa pandemik ini. Melalui pendekatan baharu ini, aktiviti penting seni persesembahan dengan sumber yang terbatas dapat didokumentasikan dalam platform digital.

Semasa tempoh pandemik, internet juga memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat kerana banyak masa dihabiskan di rumah semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Oleh itu, penggunaan internet mengalami peningkatan yang ketara kerana ramai yang meluangkan masa menatap peranti elektronik dengan melayari internet dan mengakses kandungan hiburan melalui media sosial seperti Youtube, Facebook, Whatsapp, Instagram dan Twitter (Md Lukmanul Hakim *et al.*, 2021, p.120). Penggunaan media sosial amat penting dalam memasarkan kandungan kreatif seni budaya dan ia juga merupakan kaedah alternatif yang giat dilaksanakan semasa tempoh pandemik untuk menarik lebih ramai masyarakat dalam menghayati seni persesembahan. Ini dapat dilihat daripada contoh fenomena para selebriti terlibat dalam memasarkan serta mempromosikan produk mereka di laman media sosial kerana berupaya mencapai jumlah tontonan yang tinggi dalam skala yang besar (Mohd Ramly *et al.*, 2021, p.62).

Kupasan isu pandemik COVID-19 dalam impak sosial terhadap pelaksanaan dasar dan program kerajaan juga dititikberatkan oleh Lunkapis *et al.* (2020, p.17) kerana PKP yang dilaksanakan memberi kesan secara langsung kepada masyarakat, terutamanya dalam aspek perubahan gaya hidup dan tingkah laku mereka. Ini dapat dilihat dari segi emosi dan persepsi masyarakat terhadap penetapan syarat-syarat dikenakan semasa PKP serta kelonggaran yang diberikan kerajaan dari semasa ke semasa terhadap sektor industri dan aktiviti harian masyarakat juga diambil kira termasuk aspek yang berkaitan produksi seni dan budaya. Selain itu, PKP juga menjadi satu halangan kerana aktiviti luar dan pergerakan harian menerima impak signifikan yang besar dan tindakan undang-undang akan diambil kepada pihak yang melanggar perintah PKP (Nor-Ina Kanyo *et al.*, 2020, p.5).

Sukirman & Jipoh (2021, p.148) juga membincangkan tentang *resilien* iaitu kekuatan diri seseorang dalam menghadapi risiko, tekanan dan menyesuaikan diri dalam masalah serta krisis yang dihadapi, terutamanya kepada penggiat seni dan organisasi budaya dengan memfokuskan tentang impak pandemik yang menjelaskan industri seni, media dan hiburan. Impak yang nyata adalah berkaitan isu kewangan, pekerjaan yang merosot sehingga terjejas teruk dan berkaitan bantuan kewangan dengan mewujudkan pakej stimulus fiskal bagi menangani krisis kewangan yang semakin kritikal dalam sektor industri seni, media dan hiburan. Aspek penawaran, pengiklanan dan penggunaan media juga mengalami impak yang drastik kerana didorong oleh permintaan tinggi terhadap seni persembahan secara dalam talian yang kini menjadi semakin popular diperaktikkan.

Melaka sinonim dengan ikon negeri pelancongan budaya yang mengangkat elemen budaya, tradisi dan warisan berzaman kepada pelancongan domestik dan antarabangsa. Penggiat seni tari merupakan salah satu komponen penting dalam negeri Melaka dimana persembahan tarian tradisional yang dipelopori oleh penggiat seni tari di negeri Melaka kerap mendapat undangan dalam pelbagai acara dan hiburan rasmi kerajaan negeri dan majlis-majlis keramaian (Er, 2013, p.21). Keistimewaan dan keunikan Melaka sebagai salah satu pusat tamadun Melayu pada zaman dahulu menjadikan Melaka pada waktu kini sebagai sebuah destinasi wajib dilawati yang menggalakkan kehadiran pelancong (Ang, 2016, p.110). Namun, semasa pandemik berlaku, aktiviti pelancongan menjadi sepi kerana terikat dengan sekatan perjalanan menyebabkan aktiviti seni budaya oleh penggiat seni tari yang menyokong aktiviti pelancongan di negeri Melaka juga sekaligus menerima impak yang besar.

Kesan ekonomi semasa pandemik juga perlu dikupas kerana implikasinya yang ketara adalah ancaman terhadap kemelesetan ekonomi, peningkatan kadar pengangguran, perkembangan ekonomi yang perlamban dengan pertumbuhan ekonomi yang menurun akan meningkatkan risiko kadar hutang negara (Mohd Farique & Mohd Fauzi, 2021, p.125). Semua elemen ini secara tidak langsung memberi kesan yang besar kepada penggiat seni tari terutamanya di negeri Melaka kerana ekonomi yang tidak stabil akan menjelaskan mata pencarian mereka.

## METODOLOGI

Pendekatan kualitatif diaplikasikan dalam kajian ini kerana sesuai dengan keadaan semasa untuk mendapatkan maklumat bagi mencapai objektif iaitu merungkai isu dan mengenalpasti impak terhadap kumpulan fokus penggiat seni tari dalam lokaliti negeri Melaka. Oleh itu, kaedah temubual separa berstruktur telah dilaksanakan bagi mengumpul maklumat kualitatif melalui dua orang *informan* penggiat seni tari di negeri Melaka iaitu Encik Suhaib Daud yang berpengalaman dalam bidang tarian, koreografi dan persembahan pentas serta Encik Muhammad Faqrulhisyam Mohd Nazri yang merupakan *freelancer* tari dalam negeri Melaka. Selain itu, temu bual juga akan dibuat terhadap tiga kumpulan yang terlibat dalam melakukan secara atas talian.

Selain itu, rujukan sumber artikel jurnal, surat khabar dalam talian dan informasi portal organisasi juga telah digunakan dalam makalah ini. Dapatkan rekod data statistik persembahan tarian oleh tiga organisasi kumpulan tari di negeri Melaka juga telah diambil daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Melaka, Bahagian Promosi Pelancongan Negeri Melaka dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah sebagai maklumat tambahan untuk tujuan analisis bagi pembuktian terhadap objektif kajian ini.

## ***Isu yang Dihadapi Penggiat Seni Tari di Negeri Melaka Semasa Pandemik***

Sedia maklum isu pandemik telah menjelaskan kesihatan sejagat, rentetan itu kegiatan ekonomi juga turut menerima kesan yang teruk kerana banyak industri telah ditutup dan aktiviti sosial masyarakat dipantau dengan ketat bagi mengelakkan munculnya pertambahan kluster jangkitan yang baharu. Selain wujudnya pertambahan kluster, virus ini juga boleh bermutasi dengan munculnya varian-varian baharu yang menambahkan kepanikan masyarakat. Oleh itu, banyak arahan sekatan dan *Standard Operating Procedure* (SOP) telah ditetapkan oleh kerajaan semasa PKP terutamanya larangan berhimpun di tempat yang sesak, pematuhan penjarakan fizikal antara individu sekurang-kurangnya satu meter, mewajibkan pemakaian pelitup muka, arahan mengimbas *Quick Response code* (QR code) melalui aplikasi MySejahtera sebelum memasuki sesebuah premis, perlu sentiasa sanitasi tangan, arahan bekerja dari rumah, penggiliran bertugas ke pejabat, larangan merentas daerah atau negeri, menghadkan waktu operasi premis dan lain-lain lagi. Hal ini bagi memastikan kawalan jangkitan COVID-19 dapat dibendung dan diputuskan rantaiannya dalam komuniti.

Sekatan dan SOP sepanjang PKP dilaksanakan merupakan isu yang sukar diterima oleh penggiat seni tari di negeri Melaka tetapi mereka terpaksa akur akan perintah ini. Secara tidak langsung, SOP menyebabkan rutin harian mereka telah terjejas dan tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan terutamanya dalam melaksanakan tugas dalam bidang tarian. Ini juga menyebabkan gelagat masyarakat telah berubah dari kelaziman yang meliputi gaya tingkah laku dan cara berfikir (Lunkapis *et al.*, 2020, p.15). Rentetan itu, ia juga memberi kesan mendalam yang drastik kepada penggiat seni tari kerana pergerakan awam telah dibataskan, kerja atau perniagaan tidak dapat dilaksanakan menyebabkan hasil mata pencarian bagi menampung kehidupan harian individu dan keluarga terjejas sekaligus menambahkan kerunsingan serta kemurungan dan mengundang kepada masalah kesihatan mental, malah yang paling menggusarkan potensi akan berlakunya kes bunuh diri akibat tekanan perasaan.

Berhubung dengan isu sekatan dan SOP itu juga, aktiviti seni seluruh Malaysia telah terjejas teruk kerana pada peringkat permulaan PKP dilaksanakan, sebarang aktiviti seni secara fizikal yang berhadapan dengan khalayak awam adalah dilarang sama sekali. Aktiviti seni menjadi sepi sejenak kerana keadaan panik dan kerunsingan masyarakat dalam mendepani wabak ini. Penggiat seni tari negeri Melaka yang bergantung sepenuhnya hasil pendapatan mereka melalui bakat dalam aktiviti seni juga sekaligus hidup dalam dilema akibat terkesan dengan mengharungi pandemik ini. Menurut kenyataan Datuk Seri Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia bahawa dalam tempoh setahun pandemik menyebabkan penggiat industri kebudayaan dan kesenian telah mengalami kerugian sekitar RM 85 juta (*Bernama*, 2021a). Ditambah pula dengan pengisytiharan Proklamasi Darurat bermula 11 Januari 2021 sehingga 1 Ogos 2021 setelah diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong kerana penularan wabak semakin menggusarkan dan memberi masa kepada kerajaan untuk fokus memulihkan ekonomi negara disamping mengekalkan keselamatan serta ketenteraman awam (Majlis Keselamatan Negara, n.d.a).

Salah satu usaha kerajaan dalam tempoh tersebut adalah berusaha mengambil langkah melaksanakan pelbagai formula stimulus baru agar mempercepatkan kitaran semula ekonomi supaya pemulihan sektor ekonomi tidak mengambil tempoh yang panjang (Mohd Farique & Mohd Fauzi, 2021, p.124). Dalam pada masa yang sama, kelangsungan hidup rakyat menjadi motif dan fokus utama keprihatinan kerajaan Malaysia dengan melaksanakan pelbagai langkah pencegahan supaya wabak ini tidak tercetus lebih buruk (Nor-Ina Kanyo *et al.*, 2020, p.85). Pemulihan ekonomi secara berperingkat ini sedikit sebanyak membantu penggiat seni tari negeri Melaka dalam menguruskan kehidupan harian mereka semasa pandemik tersebut.

Sejak pandemik melanda dan diisyiharkan, ditambah pula pengumuman PKP yang berlarutan, maka sebarang majlis dan acara persembahan yang memerlukan penglibatan penggiat seni tari dibekukan serta merta kerana sebarang acara fizikal dan bersemuka adalah tidak dibenarkan dan pengajur majlis perlu menangguhkan atau membatalkan acara yang telah dirancang. Ini dapat dibuktikan dengan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 yang disusun rapi oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dunia yang mensasarkan kehadiran 30 juta orang pelancong dengan janaan pendapatan kepada negara sebanyak RM 100 bilion telah dibatalkan serta-merta pada 18 Mac 2020 bagi menyekat penularan wabak pandemik COVID-19 daripada terus tersebar (*Bernama*, 2020). Rentetan itu, negeri-negeri seluruh Malaysia menerima kesan teruk atas pembatalan ini terutamanya pelaksanaan acara kebudayaan yang memerlukan penggiat seni tari bagi menjayakan persembahan kebudayaan.

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Melaka (JKKN Melaka) merupakan salah satu organisasi dibawah naungan kerajaan persekutuan yang aktif dalam melaksanakan acara seni dan budaya di negeri Melaka sebelum itu telah membuat perancangan rapi bagi persediaan melaksanakan Festival Seni Selat Melaka pada tahun 2020 dengan berkonsepkan pelancongan budaya untuk menyokong sektor pelancongan juga terpalit dengan isu ini kerana pengajurnya tidak dapat dilaksanakan dan akur dengan keputusan kerajaan (Yusop, 2020). Ini memberi satu kerugian besar kerana pelancongan budaya boleh memberi kesan positif terhadap masyarakat tempatan yang membantu dari segi naik taraf sosioekonomi, peluang pekerjaan dan pendapatan, kemudahan infrastruktur, potensi keusahawanan dan pemeliharaan budaya dan adat resam tempatan (Mohd Rabu *et al.*, 2016, p.29).

**Jadual 1** Data statistik bilangan persembahan tarian dilaksanakan oleh organisasi kumpulan tari di negeri Melaka dari tahun 2018 sehingga 31 Mac 2022.

ORGANISASI KUMPULAN TARI	Bilangan Persembahan Tarian Mengikut Tahun				
	2018	2019	2020	2021	2022 (sehingga 31 Mac 2022)
Kumpulan Kesenian JKKN Melaka	55	57	7	25	5
Brigid Seni Melaka, Bahagian Promosi Pelancongan Negeri Melaka	53	62	28	24	5
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	24	15	6	3	3
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>132</b>	<b>134</b>	<b>41</b>	<b>52</b>	<b>13</b>

Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Melaka

Data statistik di Jadual 1 menunjukkan dapatan perincian bilangan persembahan tarian yang telah dilaksanakan oleh penggiat seni tari bagi sampel tiga kumpulan tarian yang bernaung dalam organisasi kerajaan di negeri Melaka sehingga tempoh tamat pandemik di Malaysia iaitu pada 31 Mac 2022. Daripada sumber data tersebut, dapat dianalisis dan dibuktikan bahawa ketiga-tiga organisasi kumpulan tari tersebut mengalami penurunan jumlah persembahan tarian dengan drastik sejak pandemik diisyihar pada tahun 2020. Dalam tempoh pandemik tahun 2020 sehingga 31 Mac 2022, kegiatan persembahan tarian secara fizikal kurang dilaksanakan dan lebih tertumpu kepada persembahan secara atas talian. Ini juga dapat dirumuskan kegiatan aktiviti seni tari oleh penggiat seni tari di negeri Melaka amat terjejas rentetan wabak pandemik COVID-19 ini.

Selain acara persembahan pentas yang sering dilaksanakan oleh organisasi kerajaan, majlis-majlis keramaian anjuran pihak persendirian dan komuniti seperti majlis resepsi perkahwinan

merupakan salah satu acara yang sangat meriah di negeri Melaka dan sering dihidangkan dengan acara persembahan tarian oleh penggiat seni tari bagi menyerikan majlis di hadapan raja sehari ketika bersanding. Semasa pelaksanaan PKP, majlis kenduri dan resepsi perkahwinan ini tidak dibenarkan sama sekali dilaksanakan menyebabkan penggiat seni tari di negeri Melaka tiada permintaan jemputan bagi membuat persembahan keramaian atau hiburan. Semasa Pelan Pemulihan Negara Fasa 4, kerajaan telah membenarkan majlis kenduri dilaksanakan tetapi mengikut saiz ruang dengan penjarakan fizikal (Majlis Keselamatan Negara, n.d.b). Selain itu, penganjuran pertandingan tarian secara fizikal juga menerima nasib yang sama tidak dapat dilaksanakan kerana kaedah menghadiri acara secara berhimpun tidak dibenarkan. Mereka juga terdedah risiko berdepan dengan tindakan penalti jika ingkar arahan PKP ini dengan dikenakan denda sehingga RM 1,000.00 atau sehingga enam bulan penjara (Wikipedia, 2021).

Fasiliti persembahan adalah komponen asas utama yang saling berhubung kait dengan sesuatu acara dan produksi persembahan termasuklah entiti yang terlibat bagi mengadakan persembahan tersebut. Dalam tempoh PKP, semua premis yang mempunyai fasiliti persembahan seperti auditorium, studio, pentas sama ada di ruang tertutup atau terbuka tidak dibenarkan beroperasi menyebabkan platform utama kepada penggiat seni tari untuk berkarya dan mengadakan persembahan tidak dapat dilaksanakan. Banyak *venue* seni persembahan terpaksa ditutup kerana penekanan terhadap aspek penjarakan fizikal yang perlu dikawal dalam aktiviti kesenian (Sukirman & Jipoh, 2021, p.150). Auditorium Panggung Seri di Kompleks Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Melaka yang berada di Ayer Keroh sering digunakan sebagai lokasi pementasan dan persembahan dalam negeri Melaka terkesan dengan PKP ini kerana lebih setahun fasiliti auditorium ini sepi tidak digunakan. Selain itu, pentas ruang terbuka Jonker Walk di Banda Hilir yang menjadi salah satu destinasi tarikan pelancong juga tidak digunakan untuk sebarang aktiviti persembahan. Encore Melaka terletak di Kota Syahbandar merupakan fasiliti swasta yang bermotifkan keuntungan dengan menyediakan fasiliti persembahan berteknologi tinggi dan moden juga terpaksa menutup sementara operasinya semasa pandemik dan dilaporkan telah mengalami kerugian sebanyak RM 4.26 juta (*NST Business*, 2022). Ini jelas menunjukkan jika tiada fasiliti dibenarkan beroperasi, maka tiada produksi persembahan boleh dilaksanakan dan sekaligus penawaran bagi penglibatan pengiat-penggiat seni tari negeri Melaka untuk melaksanakan aktiviti persembahan juga terbantut.

### ***Impak terhadap Penggiat Seni Tari di Negeri Melaka***

Isu global berkenaan pandemik COVID-19 menyebabkan ruang komuniti dan budaya manusia terbatas dari segi aktiviti, pergerakan dan interaksi sosial. Industri seni, hiburan dan media merupakan salah satu sektor ekonomi yang terjejas teruk ketika pandemik bermula (Suhaimi Magi *et al.*, 2020, p.76). Justeru, pandemik COVID-19 ini banyak memberi impak kepada penggiat seni tari di negeri Melaka. Ianya perlu dilihat dengan teliti dari sudut pandangan positif dan negatif walaupun diketahui umum kesan pandemik ini lebih menjurus kepada kesan negatif. Impak yang paling ketara pandemik menyebabkan punca pendapatan dan ekonomi kepada penggiat seni tari di negeri Melaka ini terjejas teruk terutamanya kepada penggiat seni tari yang berkerja secara sambilan dan mengharapkan permintaan jemputan persembahan dari semasa ke semasa. Kenyataan ini dikukuhkan oleh Muhammad Faqrulhisyam Mohd Nazri (Temu bual, Ogos 24, 2022) yang merupakan salah seorang *freelancer* tari negeri Melaka berkata pendapatan beliau merudum teruk semasa pandemik sehingga menyebabkan beliau mengalami tekanan emosi kerana mengalami masalah kewangan dan mencari sumber pendapatan untuk menyara diri.

Penggiat seni tari juga terpaksa membuat kerja-kerja sampingan lain seperti bermiaga secara kecil-kecilan sebagai alternatif bagi menampung kehidupan harian kerana kurang membuat persembahan. Ini dialami sendiri oleh Suhaib Daud (Temu bual, Ogos 27, 2022) ketika pandemik

tersebut, beliau terpaksa terjun ke bidang baru dalam dunia perniagaan makanan sejuk beku yang dihasilkannya sendiri dimana ia merupakan diluar bidang seni tari dan persembahan. Walau bagaimanapun, bagi penggiat seni tari yang berkhidmat secara kontrak dalam organisasi kerajaan sama ada persekutuan atau negeri dapat menarik nafas lega kerana punca pendapatan mereka tidak terjejas kerana emolumen mereka tetap dibayar setiap bulan oleh majikan masing-masing. Walaupun emolumen dibayar setiap bulan seperti biasa, tetapi arahan bekerja dari rumah dan bertugas secara penggiliran ke pejabat dengan mengurangkan aktiviti pergaulan serta pematuhan penjarakan fizikal antara satu sama lain menyebabkan latihan tarian tidak dapat dijalankan.

Faktor kesihatan diri penggiat seni tari juga memberi impak kepada mereka kerana disebabkan tempoh pandemik yang panjang menyebabkan aktiviti riadah awam terbatas kerana banyak masa individu lebih tertumpu berada di dalam rumah masing-masing. Stamina penari juga akan merosot jika tiada akvititi kecergasan dibuat secara berkala. Selain itu, Indeks Jisim Tubuh atau *Body Mass Index* (BMI) merupakan perkara yang perlu dititik beratkan oleh seseorang penari kerana BMI yang tinggi adalah disebabkan berat badan yang berlebihan atau obes. Kesannya bentuk badan dan fizikal penari menjadi tidak ideal dan secara psikologinya boleh menjatuhkan reputasi dan personaliti diri penari tersebut sebagai penari profesional malah akan memberi kesukaran untuk mengenakan busana atau kostum persembahan. Penggiat seni tari perlu mengekalkan BMI yang normal dalam bacaan skala 18.5 sehingga 24.9 dengan melakukan aktiviti kecergasan fizikal serta mengamalkan pemakanan yang berkhasiat bagi mencegah kepada risiko masalah kesihatan seperti diabetis, darah tinggi, penyakit jantung dan lain-lain (KKM, 2012). Kesihatan yang terjejas boleh membataskan penggiat seni tari dalam melakukan aktiviti harian, latihan dan persembahan malah memberi impak kepada kerjaya dan pendapatan mereka dalam bidang tari.

Internet merupakan saluran perhubungan utama dalam era teknologi moden ini terutamanya ketika tercetusnya pandemik COVID-19 kerana banyak informasi kerajaan dan perkongsian maklumat oleh orang awam seperti gambar, grafik, video, audio dan tulisan dapat diakses melalui pelbagai saluran rangkaian media sosial dengan hanya melalui hujung jari sahaja. Ini dikukuhkan dengan pendapat bahawa alat telekomunikasi seperti media sosial dan media massa merupakan medium terpenting pada zaman kini (Mohd Ramly *et al.*, 2021, p.62). Penggunaan internet di Malaysia ketika pandemik COVID-19 juga menunjukkan perubahan dan peningkatan yang ketara (Md Lukmanul Hakim *et al.*, 2021, p.124). Menurut statistik yang dilaporkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 86 peratus daripada penduduk Malaysia iaitu seramai 28 juta orang mencatatkan sebagai pengguna media sosial semasa tempoh pandemik (*Bernama*, 2021b). Kuasa dunia maya ini memberi impak juga kepada penggiat seni tari terutamanya dalam mengekspresikan karya dan bakat mereka kepada umum dengan liputan meluas yang tidak tertumpu dalam negeri Melaka sahaja.

Pelbagai aplikasi digital semakin popular dan *trending* kerana impak permintaan terhadap seni persembahan yang dirakam dan disiarkan dalam talian secara *live* dan *streaming* (Deloitte seperti yang dinyatakan dalam Sri Ningsih Sukirman *et al.*, 2020, p.85). Semasa pandemik, ramai dikalangan penggiat seni tari mengambil inisiatif sendiri dalam memuat naik video mereka menari untuk disiarkan dalam aplikasi media sosial popular seperti di Facebook, Instagram, YouTube dan TikTok yang boleh dikongsi dengan mudah dan pantas melalui perkongsian pautan alamat web URL. Keterujaan mereka dalam media sosial mendapat sambutan dan respon yang baik dengan jumlah tontonan (*view*), suka (*like*) dan kongsi (*share*) menyebabkan ledakan video perkongsian mereka membanjiri di media sosial bagi menghiburkan penonton maya terutamanya kepada penggemar dan penggiat seni tari seluruh Malaysia. Menurut Muhammad Faqrulhisyam Mohd Nazri (Temu bual, Ogos 24, 2022), beliau aktif dalam media sosial semasa pandemik dengan memuat naik hampir 200 video tarian sendiri terutamanya menggunakan aplikasi TikTok yang sedang popular masa kini.

Amalan norma baharu semasa pandemik menyebabkan banyak pihak terutamanya institusi seni persembahan cuba mengorak langkah dengan menggunakan pendekatan masa kini secara perkhidmatan digital (Sri Ningsih Sukirman *et al.*, 2020, p.86). Selain usaha individu penggiat seni tari, organisasi kerajaan juga mengambil peluang dan ruang menggunakan medium media sosial dalam menyemarakkan semula aktiviti kebudayaan dan kesenian terutamanya melibatkan penggiat seni tari di negeri Melaka. Ini dapat dilihat ketika penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), aktiviti rakaman persembahan tarian dan persembahan secara *hybrid* untuk siaran secara atas talian telah dibenarkan tertakluk kepada SOP semasa. Pendekatan transformasi digital seni budaya yang mendapat sambutan ini secara tidak langsung memberi nafas baharu kepada aktiviti seni oleh penggiat seni tari negeri Melaka yang sekian lama menyepi kerana kesan COVID-19.

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) merupakan salah satu jabatan kerajaan yang awal mempelopori kaedah digitalisasi berkaitan aktiviti kebudayaan dan persembahan kesenian melalui siaran atas talian secara tontonan percuma kepada pengguna media sosial seluruh dunia. Ini dapat dilihat melalui program *Colours of Malaysia* merupakan program ikon anjuran JKKN yang beridentitikan persembahan tarian kebudayaan tempatan seperti tarian istana, rakyat, etnik dan ciptaan baharu serta disuntik garapan kreativiti idea artistik dan tema yang tersendiri dengan menampilkan penggiat seni tari dibawah Kumpulan Kesenian JKKN.

Sebelum berlakunya pandemik ini, *Colours of Malaysia* dibawah seliaan Unit Pembangunan Produksi dan Artistik JKKN Melaka dipersembahkan secara fizikal di lokasi strategik tumpuan khalayak awam dan pelancong bagi mempromosikan keindahan kesenian tarian dan lagu rakyat Malaysia. Pada tahun 2021, kaedah produksi persembahan tarian ini ditukar daripada format fizikal kepada format rakaman digital untuk disiarkan dalam media sosial Facebook bagi capaian akses tontonan persembahan meliputi seluruh dunia. Artis Tari Kumpulan Kesenian JKKN Melaka yang merupakan entiti penggiat seni tari juga telah berusaha melaksanakan rakaman tarian di lokasi kawasan tertutup (indoor) dan terbuka (outdoor) bagi mendapatkan visual panorama yang bersesuaian dengan tema dan *repertoire* tarian yang ingin dibawakan dalam video bagi siaran digital tersebut.



**Foto 1** Rakaman Colours of Malaysia 2021 tema Raja Sehari pada 25 Februari 2021 di Auditorium Panggung Seri Kompleks JKKN Melaka, Ayer Keroh, Melaka  
Sumber: Foto koleksi penulis



**Foto 2** Rakaman Colours of Malaysia 2021 tema Ronggeng Anak Melaka pada 25 Mac 2021 di Kampung Morten, Banda Hilir, Melaka  
Sumber: Foto koleksi penulis



**Foto 3** Rakaman Colours of Malaysia 2021 tema Khas Hari Krismas pada 24 November 2021 di perkarangan Kota A Famosa, Banda Hilir, Melaka  
Sumber: Foto koleksi penulis

Selain itu, impak pandemik juga memberi idea dan inisiatif kepada JKKN Melaka untuk membuat rakaman di studio layar hijau (green screen) dalam kawasan tertutup (indoor) premis pejabat bagi program Senam Pagi *Online* sebanyak 6 siri yang dilaksanakan oleh Artis Tari Kumpulan Kesenian JKKN Melaka dengan bimbingan jurulatih senam yang bertauliah.



**Foto 4** Rakaman Senam Pagi *Online* 2021

Sumber: Foto koleksi penulis

Motivasi diri penggiat seni tari di negeri Melaka sepanjang pandemik berlangsung juga memberi impak dalaman yang ketara kerana mereka masing-masing mengharungi pelbagai masalah dan dilema yang timbul akibat penularan wabak ini terutamanya dalam usaha meneruskan tugas serta mencari pendapatan bagi kelangsungan hidup melalui persembahan. Mereka boleh dikategorikan sebagai individu atau kumpulan yang mempunyai *resilien* atau daya tahan yang sanggup berhadapan dengan risiko, cabaran dan kekangan untuk menghadapi kesusahan dan kesulitan dalam sebarang situasi supaya lebih membina daya juang yang tinggi, tabah serta yakin dalam kehidupannya (Mohd Izwan seperti yang dinyatakan dalam Harifah Mohd Noor et al., 2020, p.55).

Mereka juga akur dengan keadaan semasa bahawa industri seni dan hiburan menghadapi cabaran yang sukar kerana ia bertentangan dengan norma kelaziman dimana penggiat seni memerlukan interaksi fizikal bagi rutin latihan, membuat persiapan dan melaksanakan persembahan (Suhaimi Magi et al., 2020, p.76). Oleh itu, Suhail Daud (Temubual, Ogos 27, 2022) memberi kata-kata perangsang dan motivasi kepada semua penggiat seni tari terutamanya di negeri Melaka harus mendapatkan momentum semula bagi berkarya secara aktif walaupun situasi sekarang berbeza daripada dahulu agar perjuangan anak seni tari bangkit semula memartabatkan seni budaya bangsa.

## RUMUSAN

Penggiat seni tari di negeri Melaka harus diberi pujian kerana mereka merupakan sekelompok daripada rakyat Malaysia yang tabah mendepani tempoh pandemik COVID-19 dalam mengharungi liku-liku kehidupan dan kerjaya mereka sebagai penari. Mereka merupakan salah satu entiti *stakeholders* dalam negeri Melaka yang bergantung kepada acara persembahan dalam menyemarakkan seni budaya tempatan yang secara tidak langsung membantu dalam mempromosikan pelancongan budaya di negeri Melaka. Pelbagai isu yang terbit daripada penularan wabak ini iaitu Perintah Kawalan Pergerakan dengan pelbagai *Standard Operating Procedure* yang harus dipatuhi menyebabkan rutin harian terbatas, aktiviti persembahan disekat, penutupan sementara operasi fasiliti persembahan dan risiko tindakan saman jika ada individu atau organisasi yang ingkar arahan dikeluarkan oleh kerajaan.

Rentetan isu-isu tersebut, mereka juga terkesan dengan impak pandemik ini terutamanya dari soal punca pendapatan serta pemantauan terhadap aspek kestabilan kesihatan mental, emosi dan fizikal seperti BMI dan stamina diri. Apa yang jelas fenomena penguasaan media sosial dan interaksi dalam alam maya semasa pandemik terhadap aktiviti kesenian dengan memuat naik video dan informasi tentang tarian secara kandungan kreatif membuka mata kepada semua penggiat seni tari untuk mempromosikan diri masing-masing dalam platform digitalisasi. Ini memberi motivasi kepada penggiat seni tari di negeri Melaka agar berdaya saing dan sentiasa bersedia dalam menghadapi pelbagai situasi sukar yang tidak dijangka pada masa akan datang. Harapan semua penggiat seni tari di Melaka agar dunia menjadi bebas semula daripada krisis penularan wabak COVID-19 secepat mungkin supaya rutin harian kembali normal dan aktiviti yang melibatkan kesenian dan kebudayaan dapat dirancakkan semula dalam komuniti dan masyarakat terutamanya di negeri Melaka.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Bahagian Dasar dan Penyelidikan, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara kerana telah menyalurkan peruntukan kajian penyelidikan lapangan bagi melengkapkan tugas penulisan makalah ini dengan bimbingan fasilitator dari Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia (USM). Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, terutamanya kepada Bahagian Promosi Pelancongan Negeri Melaka dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dalam proses penghasilan jurnal ini.

## RUJUKAN

- Ang, K. H. (2016). Sungai Melaka sebagai suatu daya tarikan pelancongan baru di Negeri Melaka: Satu ulasan kritis. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 12(1), 108-117.
- Bernama. (2020, Mac 18). Kempen melawat Malaysia 2020 dibatalkan serta-merta. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/74410/khas/covid-19/kempen-melawat-malaysia-2020-dibatalkan-serta-merta>
- Bernama. (2021a, April 7). Industri kebudayaan, kesenian rugi RM85 juta akibat Covid-19. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/132371/berita/nasional/industri-kebudayaan-kesenian-rugi-rm85-juta-akibat-covid-19>
- Bernama. (2021b, September 22). Malaysia ada 28 juta pengguna media sosial. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2021/09/867407/malaysia-ada-28-juta-pengguna-media-sosial>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Pandemik. In *Kamus DBP online – PRPM*. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pandemik> on August 5, 2022
- Er, A. C. (2013). Pembangunan pelancongan lestari di Melaka: Perspektif pelancong. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 9(3), 12-23.
- Harifah Mohd Noor, Jabil Mapjabil, Adilah Md Ramli, Jurry Foo, Ubong Imang & Rima Abdul Rahman. (2020). Resilien keusahawanan makanan tradisi sebagai produk pelancongan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang pandemik COVID-19 di Negeri Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(32), 50-62.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2012, April 19). *Indeks Jisim Tubuh (BMI)*. <http://www.myhealth.gov.my/indeks-jisim-tubuh-ijt/>
- Lunkapis, G. J., Hussin, R., Atang, C., Ationg, R., & Ongui, K. (2020). Potensi aplikasi penilaian impak sosial untuk menilai dasar dan program kerajaan semasa pandemik COVID-19. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(32), 14-25.
- Majlis Keselamatan Negara. (n.d.a). Proklamasi Darurat 2021. *MKN Portal*. [https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/FINAL-FAQ-DARURAT-2021\\_compressed.pdf](https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/FINAL-FAQ-DARURAT-2021_compressed.pdf)
- Majlis Keselamatan Negara. (n.d.b). SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN). *MKN Portal*. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-perintah-kawalan-pergerakan/>

- Md Lukmanul Hakim, N. A., Junaidun, N. A., Mohamad Fadzil, N. S., & Mohd Ishar, M. I. (2021). Persepsi pengguna internet di Malaysia semasa pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(4), 117-125. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i4.745>
- Mohd Farique, M. A., & Mohd Fauzi, M. A. (2021). Implikasi pandemik COVID-19 terhadap ekonomi global dan ekonomi Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary & Strategic Studies*, 2(2), 121-129. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2021.32>
- Mohd Rabu, M., Mohd Tawil, N., Ramlee, S., & Ahmad, H. (2016). Menerokai rumah melayu melalui pelancongan program pengalaman homestay. *Journal Design + Built*, 9, 29-32.
- Mohd Ramly, L., Mohamed Salleh, M. A., Ali, M. N. S. (2021). Selebriti dan pemasaran digital: Kepentingan penglibatan selebriti di laman media sosial instagram. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(11), 51-65. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.1120>
- Nor-Ina Kanyo, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Jabil Mapjabil, Rosazman Hussin, Suhailah Abdul Muin & Jashmaira Kipli. (2020). Tinjauan strategi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam menghadapi pandemik COVID-19 di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(32), 1-13.
- NST Business. (2022, Februari 25). Yong Tai slips into the red for Q2 due to impairment losses. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/business/2022/02/774773/yong-tai-slips-red-q2-due-impairment-losses>
- Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia 2020-2021. (2021, November 13). In *Wikipedia*. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Perintah\\_Kawalan\\_Pergerakan\\_Malaysia\\_2020-21](https://ms.wikipedia.org/wiki/Perintah_Kawalan_Pergerakan_Malaysia_2020-21)
- Sri Ningsih Sukirman, Jabil Mapjabil, Maryama Ag. Daud, Rosli Sareya, Soffriezan Yahya & Patricia Jipoh. (2020). Tinjauan literatur terhadap adaptasi penggiat seni dalam membudayakan persembahan seni secara tarian (digital) sebagai normal baharu dan impak dalam tempoh pandemik COVID-19. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(32), 83-92.
- Suhaimi Magi, Jabil Mapjabil, Baharuddin Mohd Arus, Rosli Sareya, Datu Razali Datu Eranza & Toh Min Min (2020). Impak, cabaran dan inisiatif penggiat seni persembahan sepanjang tempoh pandemik COVID-19. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(32), 74-82.
- Sukirman, S. N., & Jipoh, P. (2021). Resilien dan adaptasi penggiat seni dalam mebudayakan persembahan seni secara talian (Digital) sebagai normal baharu pasca COVID-19. *Gendang Alam*, 11 (2), 145-160. <https://doi.org/10.51200/ga.vi.3582>
- UNESCO. (2008, July 7). *Eight new sites, from the Straits of Malacca to Papua New Guinea and San Marino, added to UNESCO's World Heritage List*. <https://whc.unesco.org/en/news/450>
- Yusop, M. S. (2020, September 27). Penggiat seni, budaya tidak dilupa semasa pandemik. *Kosmo*. <https://www.kosmo.com.my/2020/09/27/penggiat-seni-budaya-tidak-dilupa-semasa-pandemik/>

### **Temu bual**

1. Faqrulhisyam Mohd Nazri (24 Ogos 2022). Tokoh dan penggiat tari Negeri Melaka.
2. Suhaib Daud (27 Ogos 2022). Tokoh dan penggiat tari Negeri Melaka.